

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : **20 NOVEMBER 2019 [RABU]**

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menerangkan apakah relevan cadangan untuk menganjurkan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) di negara ini kepada warga China dan Hong Kong memandangkan ianya dilihat seolah-olah bersifat propemaju di samping berupaya memberikan impak negatif seperti kenaikan mendadak harga rumah sehingga di luar kemampuan rakyat tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, HOC merupakan program yang diperuntukkan kepada rakyat Malaysia sahaja bagi memiliki kediaman dengan insentif yang diberikan oleh Kerajaan dan diskaun daripada pihak pemaju. Manakala melalui program *Malaysia My Second Home* (MM2H), Kerajaan Malaysia menyediakan satu inisiatif untuk menarik dan menawarkan peluang kepada warganegara asing yang mempunyai kemampuan kewangan yang tinggi serta memenuhi syarat untuk

menetap dan merencanakan ekonomi di Malaysia melalui subsektor pelaburan, hartanah, pendidikan, perubatan, dan automobil.

2. Berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) terdapat 4,213 (12.8%) rumah mewah berharga RM1 juta ke atas dengan nilai RM8.3 bilion tidak terjual di negara ini. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing dapat mengurangkan lambakan unit rumah mewah sedia ada serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.

3. Selain itu, berdasarkan transaksi jual beli hartanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC, sehingga kini (Jan - Jun 2019), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah iaitu sebanyak 398 orang (0.4%), berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran hartanah kediaman bagi warga asing masih terkawal.

4. Bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang positif, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mencadangkan agar tindakan segera diambil bagi memastikan lambakan rumah mewah ini terjual dan sekali gus membantu merencanakan kembali ekonomi negara. Sehubungan itu, Kementerian mencadangkan agar rumah-rumah mewah yang tidak terjual ini boleh dijual kepada ekspatriat yang berkelayakan mengikut mekanisme sedia ada Kerajaan melalui program MM2H dan bukanlah melalui HOC seperti yang telah dijelaskan dalam kenyataan media pada 12 September 2019.

5. Berhubung mekanisme untuk mengelakkan kenaikan harga rumah secara mendadak, penetapan harga penjualan hartanah mewah kepada warga asing adalah berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (kini dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi - MEA) iaitu Garis Panduan Perolehan Hartanah merujuk kepada hartanah bernilai RM1 juta dan ke atas yang berkuat kuasa

mulai 1 Mac 2014. Pada masa yang sama juga, Kerajaan Negeri turut mempunyai dasar pemilikan hartanah warga asing bagi memastikan pihak pemaju tidak sewenang-wenangnya membina rumah mewah yang bertujuan untuk dijual kepada warga asing dan warga asing tidak sewenang-wenangnya boleh membeli rumah tanpa kawalan sehingga menimbulkan spekulasi pasaran harga rumah.

6. Walau bagaimanapun, mengenai pengumuman Belanjawan 2020 yang telah menurunkan had milikan warga asing daripada RM1 juta kepada RM600,000, KPKT akan bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian serta agensi lain yang terlibat seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), KDN, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kerajaan-kerajaan Negeri agar satu mekanisme kawalan dapat diwujudkan bagi mengelakkan spekulasi harga oleh pemaju dan menjaga kepentingan pembeli tempatan.

Sekian, terima kasih.